



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	15/9/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Harapan baharu kempen 'Selamatkan Si Belang'

Tiga anak Harimau Malaya tarikan istimewa Zoo Negara

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiga anak Harimau Malaya diberi nama Melur, Hebat dan Wira menjadi tarikan terbaru pengunjung Zoo Negara selepas hampir lima tahun spesies itu tidak dibiakkan.

Justeru, tidak hairanlah jika anak harimau berusia dalam lingkungan empat setengah bulan itu mendapat perhatian istimewa pihak Zoo Negara.

Pengarah Zoologi dan Veterinar Zoo Negara, Dr Mat Naim Ramli, berkata kehadiran tiga anak Harimau Malaya itu menjadi kenyataan atas sokongan pelbagai pihak terutama kerajaan melalui kempen 'Selamatkan Si Belang', sekali gus mewujudkan harapan baharu bagi haiwan diancam kepupusan itu.

"Sudah lima tahun Zoo Negara berhenti membiakkan spesies terbabit tetapi kini kita berani berbuat demikian kerana mendapat sokongan pelbagai pihak dalam usaha menyelamatkan harimau daripada kepupusan.

"Melur, Hebat dan Wira adalah sebahagian daripada usaha untuk memastikan kesinambungan spesies Harimau Malaya.

"Ramai bertanya mengapa tiga anak harimau ini istimewa, hakikatnya, sudah empat ke lima tahun lamanya Zoo Negara tidak



Tiga ekor anak Harimau Malaya, Wira, Hebat dan Melur buat kali pertama dilepaskan di ruang pameran selepas dilahirkan pada 1 Mei lalu di Zoo Negara, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Muhd Zaaba Zakeria/BH)

membiak spesies ini disebabkan kekangan dan halangan tertentu.

"Sebelum ada kempen 'Selamatkan Si Belang', keadaan spesies Harimau Malaya memang kritikal hinggalah kami dapat membiakkannya semula," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Difahamkan, ketika ini Zoo Negara memiliki sembilan Harimau Malaya dewasa dan tiga anak harimau masing masing dua jantan dan seekor betina.

Ketiga-tiga anak harimau itu dilahirkan pada Hari Pekerja iaitu 1 Mei lalu.

Mat Naim berkata, ruang di Zoo Negara turut menjadi faktor membantutkan usaha menambah bilangan spesies Harimau Malaysia menerusi pembiakan.

Katanya, kemudahan di Zoo Negara hanya memadai untuk menempatkan sembilan Harimau Malaya dewasa.

"Kita tak biakkan sebab kawasan yang ada hanya cukup menampung sembilan Harimau Ma-

laya, itu sebab kita tak mahu tambah.

"Harimau tak boleh duduk sekali. Bila umur mereka dalam lingkungan satu ke dua tahun boleh letak satu tempat. Apabila tiga anak harimau ini besar, kena asingkan. Bila sudah besar, jantan dan betina perlukan ruang lain.

"Dengan kempen dan keadaan sekarang, kerajaan mula fokus kepada Harimau Malaya. Kalau tak cukup tempat untuk tiga anak harimau ini, kita boleh tawar kepada zoo lain," katanya.